

UNTUK EDARAN SEGERA



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

RALAT KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SEMESTER 3 SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM) TAHUN 2023 YANG DISEMAK MELALUI PORTAL MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA (MPM)

Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) memohon maaf atas ralat yang berlaku pada keputusan peperiksaan Semester 3 STPM 2023 yang disemak di portal MPM pada 3 Julai 2024, dari jam 10:00 pagi hingga 10:07 pagi.

Penjelasan tentang ralat yang berlaku secara kronologi adalah seperti yang berikut:

1. Waktu calon boleh menyemak keputusan peperiksaan Semester 3 STPM 2023 adalah pada 3 Julai 2024, mulai jam 10:00 pagi.
2. Calon boleh menyemak keputusan masing-masing sama ada melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) atau melalui portal MPM www.mpm.edu.my.
3. Keputusan calon pada SMS adalah betul tetapi terdapat ralat pada keputusan calon yang dimuat naik ke portal MPM.
4. Ini kerana berlaku kesilapan teknikal pada program Antaramuka Pengaturcaraan Aplikasi (API - *Application Programming Interface*) yang pertama kali digunakan dalam proses memuat

naik keputusan calon daripada pelayan (*server*) dalaman MPM ke pelayan (*server*) di portal MPM.

5. MPM mengesan kesilapan keputusan calon pada portal MPM sebaik sahaja keputusan tersebut dimuat naik. MPM telah mengambil tindakan SERTA MERTA dengan menghentikan penyemakan keputusan melalui portal MPM pada jam 10:07 pagi buat sementara waktu untuk mengambil tindakan pembetulan SERTA MERTA dengan membetulkan kesilapan pada program API tersebut.
6. Ralat pada keputusan peperiksaan Semester 3 STPM 2023 calon di portal MPM telah dibetulkan sepenuhnya dan calon boleh mendapatkan keputusan masing-masing yang tepat di portal MPM mulai jam 10:20 pagi.

MPM mengambil serius terhadap perkara ini dan akan memastikan perkara sebegini tidak akan berlaku lagi pada masa akan datang.

-TAMAT-

**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
3 JULAI 2024**